



9 Januari 2025
9 January 2025
P.U. (A) 7

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (AKSES KEPADA
DAFTAR DAN MAKLUMAT YANG BERHUBUNGAN
DENGAN PEMUNYAAN BENEFISIAL) 2025

*COMPANIES (ACCESS TO THE REGISTER AND
INFORMATION RELATING TO BENEFICIAL OWNERSHIP)
REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT 2016

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT (AKSES KEPADA DAFTAR DAN MAKLUMAT
YANG BERHUBUNGAN DENGAN PEMUNYAAN BENEFISIAL) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 60B(9) dan perenggan 613(1)(aa) Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat (Akses kepada Daftar dan Maklumat yang berhubungan dengan Pemunyaan Benefisial) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 10 Januari 2025.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agensi penguat kuasa” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 3(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*];

“perolehan Kerajaan” ertinya perolehan untuk barangan, perkhidmatan atau kerja atau apa-apa gabungannya, melalui pembiayaan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan yang berkaitan, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya atau melalui penggunaan aset yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan yang berkaitan bagi maksud operasi dan pentadbiran Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan Kerajaan atau bagi maksud kepentingan awam.

Akses kepada daftar pemunya benefisial

3. (1) Daftar pemunya benefisial yang disimpan oleh suatu syarikat hanya boleh diakses oleh mana-mana orang atau golongan orang seperti yang berikut:

- (a) pemunya benefisial, hanya yang berhubungan dengan maklumat dirinya;
- (b) orang yang diberi kebenaran secara bertulis oleh pemunya benefisial, hanya yang berhubungan dengan maklumat dirinya;
- (c) Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; dan
- (d) mana-mana agensi penguat kuasa di Malaysia.

(2) Mana-mana orang atau golongan orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah mengemukakan bukti kepada syarikat sebelum diberikan akses kepada daftar pemunya benefisial.

(3) Bukti di bawah subperaturan (2) termasuklah kad pengenalan, pasport, kad kuasa, kebenaran bertulis atau apa-apa bukti yang difikirkan patut oleh syarikat.

Akses kepada maklumat pemunyaan benefisial

4. (1) Maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan simpan dengan Pendaftar hendaklah diakses dalam bentuk pembekalan maklumat yang akan ditentukan oleh Pendaftar oleh mana-mana orang atau golongan orang seperti yang berikut:

- (a) pemunya benefisial, hanya yang berhubungan dengan maklumat dirinya;

- (b) orang yang diberi kebenaran secara bertulis oleh pemunya benefisial, hanya yang berhubungan dengan maklumat dirinya;
- (c) mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;
- (d) Bank Negara Malaysia sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;
- (e) mana-mana agensi penguat kuasa di Malaysia; dan
- (f) Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan yang berkaitan, yang melaksanakan fungsi perolehan Kerajaan.

(2) Mana-mana orang atau golongan orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah membuat permohonan untuk mendapatkan maklumat pemunyaan benefisial yang berhubungan dengan suatu syarikat atau perbadanan kepada Pendaftar bersama dengan fi yang dinyatakan di bawah peraturan 6 dan disertakan dengan—

- (a) suatu surat bertulis yang membuktikan mana-mana orang atau golongan orang mempunyai akses kepada maklumat pemunyaan benefisial; dan
- (b) apa-apa maklumat atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), Pendaftar, sebelum memberikan maklumat pemunyaan benefisial, boleh—

- (a) menghendaki orang atau golongan orang itu untuk mengemukakan apa-apa bukti atau maklumat sehingga Pendaftar berpuas hati;
- (b) mengenakan apa-apa syarat lain yang difikirkan patut oleh Pendaftar; atau
- (c) menolak permohonan tersebut.

Kewajipan melaporkan perbezaan maklumat pemunyaan benefisial

5. (1) Jika maklumat pemunyaan benefisial dibekalkan kepada mana-mana orang atau golongan orang di bawah subperaturan 4(1), orang atau golongan orang itu hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh maklumat pemunyaan benefisial dibekalkan kepada mereka, melaporkan kepada Pendaftar sekiranya terdapat perbezaan antara maklumat pemunyaan benefisial yang dibekalkan oleh Pendaftar dengan yang diperoleh atau dalam pengetahuan orang atau golongan orang itu.

(2) Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk mengarahkan syarikat itu untuk—

- (a) menyemak, meminda, membetulkan atau mengubah dokumen atau maklumat pemunyaan benefisial tersebut; atau
- (b) mengambil apa-apa tindakan lain yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

(3) Mana-mana orang atau golongan orang yang gagal mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan.

Fi

6. (1) Fi sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 4(2) hendaklah dua puluh ringgit dan dibayar kepada Pendaftar mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(2) Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dibayar balik.

(3) Pendaftar boleh mengurangkan atau mengenepikan, sebahagian atau keseluruhan fi.

Dibuat 6 Januari 2025

[KPDNKK.100-1/4/25; PN(PU2)740/JLD.4]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup

COMPANIES ACT 2016

COMPANIES (ACCESS TO THE REGISTER AND INFORMATION RELATING TO
BENEFICIAL OWNERSHIP) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 60B(9) and paragraph 613(1)(aa) of the Companies Act 2016 [Act 777], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Companies (Access to the Register and Information relating to Beneficial Ownership) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 10 January 2025.

Interpretation

2. In these Regulations, unless the context otherwise requires—

“enforcement agency” has the meaning assigned to it under subsection 3(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [Act 613];

“Government procurement” means procurement for goods, services or works or any of its combination, through financing provided by the Federal Government, State Government or relevant local authority, either wholly or partly or through the use of asset owned by the Federal Government, State Government or relevant local authority for the purposes of operation and administration of Government in delivering service by the Government or for the purposes of public interest.

Access to register of beneficial owners

3. (1) The register of beneficial owners kept by a company shall only be accessed by any person or class of persons as follows:

- (a) beneficial owner, only relating to his information;
- (b) person authorized in writing by the beneficial owner, only relating to his information;
- (c) Bank Negara Malaysia as the competent authority under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001; and
- (d) any enforcement agency in Malaysia.

(2) Any person or class of persons referred to in subregulation (1) shall produce proof to the company before being given an access to the register of beneficial owners.

(3) Proof under subregulation (2) includes identification card, passport, authority card, written approval or any proof as the company thinks fit.

Access to beneficial ownership information

4. (1) The beneficial ownership information lodged with the Registrar shall be accessed in the form of supply of information to be determined by the Registrar by any person or class of persons as follows:

- (a) beneficial owner, only relating to his information;
- (b) person authorized in writing by the beneficial owner, only relating to his information;
- (c) any reporting institution carrying on any activity listed in the First Schedule to the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001;

- (d)* Bank Negara Malaysia as the competent authority under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001;
- (e)* any enforcement agency in Malaysia; and
- (f)* Federal Government, State Government or the relevant local authority, for the purpose of carrying on the function of Government procurement.

(2) Any person or class of persons referred to in subregulation (1) shall make an application to obtain the beneficial ownership information relating to a company or corporation to the Registrar together with the fee as specified under regulation 6 and accompanied with—

- (a)* a written letter proving any person or class of persons has access to the beneficial ownership information; and
- (b)* any other information or document as the Registrar may require.

(3) For the purposes of subregulation (2), the Registrar, before furnishing the beneficial ownership information, may—

- (a)* require the person or class of persons to produce any proof or information to the satisfaction of the Registrar;
- (b)* impose any other condition as the Registrar thinks fit; or
- (c)* reject the application.

Obligation to report discrepancy of beneficial ownership information

5. (1) Where the beneficial ownership information is supplied to any person or class of persons under subregulation 4(1), the person or

class of persons shall, within thirty days from the date of the beneficial ownership information is supplied to them, report to the Registrar if there is a discrepancy between the beneficial ownership information supplied by the Registrar with the information obtained by or within the knowledge of that person or class of persons.

(2) The Registrar shall have power to direct the company to—

(a) review, amend, rectify or vary the document or information of the said beneficial ownership; or

(b) take any other action as the Registrar thinks fit.

(3) Any person or class of persons who fails to comply with subregulation (1) commits an offence.

Fee

6. (1) The fee as specified in subregulation 4(2) shall be twenty ringgit and paid to the Registrar in the manner as the Registrar may direct.

(2) Fee payable under these Regulations shall not be refundable.

(3) The Registrar may reduce or waive, partly or wholly, the fee.

Made 6 January 2025
[KPDNKK.100-1/4/25; PN(PU2)740/JLD.4]

DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
Minister of Domestic Trade and Cost of Living